

Teks Ucapan
YAB Datuk Haji Sulaiman bin Md Ali
Ketua Menteri Melaka
Sempena Majlis Perasmian Pelancaran Projek Perumahan
Taman Masjid Tanah Perdana, Mukim Masjid Tanah,
Daerah Alor Gajah
14 Mac 2020 (Sabtu), Masa: 1030 Pagi
Taman Masjid Tanah Perdana

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang saya hormati Saudari Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia En Chan Hwa Ming,
Pengarah Legaland Sdn Bhd;

Yang Berbahagia En Lee Chen Mow,
Pengarah Legaland Sdn Bhd;

Yang Berbahagia En Tan Cheng Choor,
Pengarah Legaland Sdn Bhd;

Dif-dif Jemputan, Rakan-rakan Media;
Para Pemimpin Masyarakat;

Tuan-tuan dan Puan-puan;
Hadirin Hadirat yang saya hormati;

Pendahuluan

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat bersama di Majlis Pelancaran Projek Perumahan Taman Masjid Tanah Perdana yang

dimajukan oleh pemaju perumahan Legaland Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan di negeri Melaka.

2. Bagi pihak kerajaan negeri, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak pemaju Legaland Sdn Bhd kerana terus memikul tanggungjawab melaksanakan projek perumahan di negeri ini khusus di Mukim Masjid Tanah, Daerah Alor Gajah.

3. Terima kasih kepada semua kerana sempat hadir pada majlis yang penuh bersejarah ini. Saya yakin, pelancaran projek perumahan ini membolehkan pihak pemaju mempromosi Taman Masjid Tanah Perdana ini kepada bakal pembeli rumah, seterusnya membantu kerajaan negeri merealisasikan visi – ***Satu Keluarga Sebuah Rumah.***

Hadirin Hadirat yang saya hormati;

Taman Masjid Tanah Perdana

4. Pada keseluruhannya, Taman Masjid Tanah Perdana mempunyai 320 unit rumah kediaman. Sejumlah 150 unit adalah rumah berkembar 1 tingkat, 72 unit rumah berkembar 1 ½ tingkat, 5 unit rumah banglo 1 ½ tingkat dan 93 unit rumah mampu milik 1 tingkat.

5. Hari ini, pemaju melancarkan jualan rumah Fasa 1 yang mempunyai 48 unit rumah berkembar 1 tingkat, 36 unit rumah berkembar 1 ½ tingkat dan 93 unit rumah mampu milik 1 tingkat.

6. Rumah berkembar 1 ½ tingkat (40' x 80') dan rumah banglo 1 ½ tingkat (keluasan lot 5,100 – 12,700 kaki persegi) mempunyai 6 bilik tidur, 3 bilik mandi, 2 ruang tamu dan 2 ruang makan dengan keluasan binaan 2,270 kaki persegi. Harga jualan bumiputera untuk rumah berkembar 1 ½ tingkat adalah RM477,000 per unit.

7. Rumah Mampu Milik 1 tingkat (20' X 70') mempunyai 4 bilik tidur, 1 ruang tamu, 2 ruang makan dan 2 bilik mandi dengan keluasan binaan 1,050 kaki persegi. Harga jualan RM180,000 per unit. Pembelian Rumah Mampu Milik perlu membuat permohonan dan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Lembaga Perumahan Melaka.

8. Taman Masjid Tanah Perdana adalah hak milik kekal terletak di lokasi yang tinggi, berudara nyaman dan dingin serta berdekatan dengan Bandar Masjid Tanah.

9. Saya difahamkan, kerja-kerja pembinaan Fasa 1 sedang dijalankan dan dijangka siap pada Ogos 2021. Pelancaran Fasa 2 akan menyusuli apabila Fasa 1 siap sepenuhnya. Tahniah dan syabas.

Hadirin Hadirat yang saya hormati;

Perumahan Mampu Milik

10. Kerajaan negeri sentiasa mengalu-alukan cadangan dan pandangan yang baik khusus mengenai pembangunan perumahan bagi manfaat rakyat di negeri Melaka keseluruhannya.

11. Agenda perumahan rakyat adalah antara misi utama yang akan diperkasa oleh kerajaan negeri selepas ini. Kerajaan

negeri bukan pesaing kepada mana-mana pemaju perumahan tetapi bertindak sebagai pelengkap antara satu sama lain.

12. Justeru, kerajaan negeri akan terus menjalin kerjasama rapat dengan para pemaju perumahan untuk menjayakan lebih banyak perumahan mesra rakyat dan merangka dasar perumahan yang mesra pemaju pada masa hadapan.

Penutup

13. Akhir kata, sekali lagi tahniah kepada pihak pemaju Legaland Sdn Bhd atas usaha pelancaran Projek Perumahan Taman Masjid Tanah Perdana, Mukim Masjid Tanah, Daerah Alor Gajah pada kali ini.

14. Selepas ini, para pembeli yang berminat boleh mengunjung rumah contoh Rumah Berkembar 1 tingkat dan 1 ½ tingkat yang disediakan di tapak pembinaan.

15. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, sukacita dan bangga, saya merasmikan Projek Perumahan Taman Masjid Tanah Perdana pada pagi ini.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

-Tamat-

